

Dadah RM25.35 juta dirampas

SINAR HARIAN MS:14

4/6/2022

Jumlah dadah yang dirampas itu boleh digunakan oleh lebih 3.4 juta penagih

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI KUALA LUMPUR

Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dan JSJN Selangor merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM25.35 juta dipercayai dibawa masuk dari kawasan Segi Tiga Emas menerusi utara tanah air dan Sungai Golok.

Rampasan dilakukan menerusi dua serbuan di sekitar Selangor dan Kedah pada Khamis dan Jumaat.

Pengarah JSJN Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, seramai lima individu termasuk seorang wanita diberkas dalam dua serbuan tersebut.

"Serbuan kira-kira jam 2.30 pagi pada Khamis di sekitar Selangor berjaya memberkas seorang lelaki berumur 40 tahun dipercayai terlibat aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah bagi pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Serbuan kira-kira jam 12.50 pagi pada Jumaat sekitar Selangor dan Kedah pula menahan seramai empat suspek berumur antara 25 hingga 39 tahun terdiri daripada tiga lelaki dan seorang wanita dipercayai terlibat aktiviti pengedaran dadah bagi pasaran tempatan," katanya ketika sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini pada Jumaat.

Menurut Ayob Khan, jumlah ke-

seluruhan dadah yang dirampas boleh digunakan oleh seramai 3.4 juta penagih dadah.

"Serbuan pertama berjaya merampas dadah bernilai RM16.4 juta melibatkan dadah jenis methamphetamine seberat 404.3 kilogram; heroin (7.7 kilogram) dan pil ekstasi seberat 35.3 kilogram.

"Serbuan kedua yang dijalankan pula berjaya merampas sejumlah 248.7 kilogram dadah jenis methamphetamine dianggarkan bernilai RM8.95 juta," katanya.

Menurut beliau, siasatan dijalankan mendapati sindiket terbabit dipercayai mula aktif sejak penghujung tahun 2021.

"Modus operandi sindiket ini ialah menjadikan premis kediaman sebagai tempat menyimpan dadah.

"Kaedah ini digunakan sindiket sebelum dadah diseludup ke negara jiran untuk pasaran antarabangsa dan tempatan," tambahnya.

Jelas beliau, semakan dijalankan mendapati dua daripada suspek mempunyai rekod lampau berkaitan dadah.

"Saringan awal dijalankan mendapati salah seorang suspek positif dadah jenis methamphetamine."

"Kesemua suspek kini direman tujuh hari untuk siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Ayob Khan memberitahu, selain rampasan dadah, pelbagai jenis kenderaan turut dirampas dalam dua serbuan yang dilakukan tersebut.

"Tindakan diambil di bawah Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakkan Harta) 1988 di mana empat kenderaan milik sindiket disita melibatkan Toyota Fortuner, Kia Optima, Mitsubishi Triton dan Ford Ranger.

Kata beliau, nilai keseluruhan rampasan dadah dan sitaan harta



Ayob Khan (dua dari kiri) pada sidang akhbar di Bukit Aman, Kuala Lumpur pada Jumaat menunjukkan dadah yang dirampas menerusi serbuan berasingan di Selangor dan Kedah.

- Segi Tiga Emas ialah kawasan di mana sempadan Thailand, Laos dan Myanmar bertemu di Sungai Ruak dan Sungai Mekong.
- Rampasan dadah jenis methamphetamine, heroin dan pil ekstasi rat dengan anggaran berjumlah RM25.7 juta.

dalam operasi di kedua-dua negeri berkenaan ialah bernilai kira-kira RM25.7 juta.

Tambah beliau, siasatan lanjut berkaitan kes itu masih berjalan dan kini polis memburu baki suspek terlibat.